

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW
KAWASAN : SIBU
TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 34

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bagaimana Kementerian mengatasi masalah keadaan jalan Pan Borneo yang tidak memuaskan dan membahayakan nyawa pengguna jalan tersebut sementara projek ini masih dalam proses pembinaan, terutamanya di antara Selangau dan Bintulu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, prosedur-prosedur keselamatan seperti berikut diguna pakai bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya semasa pelaksanaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak:

- 1) Prosedur Pelan Pengurusan Trafik (*Traffic Management Plan – TMP*) di tapak bina sepanjang pembinaan jalan raya, berpandukan kepada Piawaian Arahan Teknik JKR;
- 2) Akta Kilang Dan Jentera 1967, Peraturan (*Building Operation and Works of Engineering Construction - BOWEC*) 1986;
- 3) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994; dan
- 4) Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Awam di Tapak Bina Tahun 2007.

Sekiranya terdapat kegagalan pihak kontraktor untuk mematuhi prosedur-prosedur keselamatan yang telah dinyatakan, Arahan Pemberhentian Kerja (*Stop Work Order*) akan dikeluarkan kepada kontraktor. Kerja-kerja pembinaan hanya boleh diteruskan setelah penambahbaikan dilaksanakan oleh kontraktor berdasarkan Notis Penambahbaikan (*Corrective Action Request - CAR*) oleh Pegawai Penguasa.

Selain daripada prosedur-prosedur keselamatan tersebut, pemantauan berterusan turut dilakukan oleh Kementerian dan JKR Sarawak selaku Pegawai Penguasa khususnya bagi jajaran Selangau ke Bintulu bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya khususnya di sepanjang kawasan pembinaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak. Ini termasuklah pemeriksaan mengejut dan audit

NO SOALAN : 34

keselamatan jalanraya oleh pihak ketiga, iaitu Ibu Pejabat JKR Malaysia yang diadakan mengikut keperluan dan aduan sekiranya ada.

Sekian, terima kasih.